



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

OKTOBER 2025



## TANDA-TANDA AKHIR ZAMAN

03 OKTOBER 2025M | 11 RABIULAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا.  
مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita akan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta'ala

Beriman kepada Hari Akhirat atau Hari Kiamat adalah satu rukun daripada rukun iman yang enam. Hari Kiamat adalah salah satu perkara ghaib yang telah diterangkan secara jelas dalam al-Quran dan al-Hadis. Kita bukan hanya dituntut sekadar mempercayainya malah memahami peristiwa hari kiamat juga penting. Ini kerana ia memberi kesan langsung kepada cara kita menjalani kehidupan harian, mendorong kita untuk lebih bertakwa serta memberi



peringatan kepada kita mengenai apa yang bakal berlaku selepas kematian. Allah Ta'ala berfirman dalam surah al-Haj Ayat 7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ لَا رَيْبَ فِيهَا وَأَنَّ اللَّهَ يَبْعَثُ مَنْ فِي الْقُبُورِ

**Yang bermaksud:** “Dan bahawa sesungguhnya hari kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak padanya, dan bahawa sesungguhnya Allah akan membangkitkan (menghidupkan semula) orang yang di dalam kubur.”

Walaupun Allah Taala menyembunyikan waktu berlakunya kiamat namun Allah Taala menunjukkan tanda hampirnya berlakunya kiamat atau disebut sebagai tanda-tanda akhir zaman. Firman Allah Taala dalam surah Muhammad ayat 18:

فَهَلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا السَّاعَةَ أَنْ تَأْتِيَهُمْ بَغْتَةً <sup>ط</sup>فَقَدْ جَاءَ أَشْرَاطُهَا فَأَنَّى لَهُمْ إِذَا جَاءَتْهُمْ ذِكْرُهُمْ

**Yang bermaksud:** “Maka tidaklah yang mereka tunggu-tunggu melainkan hari kiamat yang akan datang kepada mereka dengan tiba-tiba, kerana sesungguhnya telah datang tanda-tandanya. Maka apakah faedahnya bagi mereka kesedaran mereka itu apabila Kiamat sudah datang?”

Dalam Al-Quran dan Hadis, banyak dijelaskan mengenai tanda-tanda yang akan muncul menjelang kiamat. Ia terbahagi kepada tanda kecil dan tanda besar.



Antara tanda-tanda kecil akhir zaman ialah:

1. Ilmu agama semakin berkurangan, ramai ulama meninggal dunia, dan orang jahil diangkat sebagai pemimpin.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah tidak mencabut ilmu dengan sekali cabutan dari hamba-hambaNya, tetapi Dia mencabut ilmu dengan mematikan para ulama. Sehingga apabila tidak ada lagi seorang alim pun, manusia akan mengangkat pemimpin yang jahil. Lalu mereka ditanya, lalu mereka berfatwa tanpa ilmu. Maka mereka sesat dan menyesatkan.”*

2. Berlakunya pelbagai maksiat dan tersebarnya kejahilan.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يُرْفَعَ الْعِلْمُ وَيَثْبُتَ الْجَهْلُ وَيُشْرَبَ الْخَمْرُ وَيَظْهَرَ الزِّنَا

**Yang bermaksud:** *"Sesungguhnya antara tanda-tanda kiamat adalah diangkatnya ilmu, tersebarnya kebodohan, minum arak, dan berleluasa perzinaan."*

3. Pembunuhan banyak berlaku sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

*"Demi Tuhan yang nyawaku di tangan-Nya! Akan datang suatu zaman ke atas manusia, di mana pembunuh tidak tahu mengapa dia membunuh, dan orang yang dibunuh tidak tahu mengapa dia dibunuh. Para sahabat bertanya: "Bagaimana itu*



*boleh terjadi?" Baginda menjawab: "Itulah yang disebut al-Haraj, pembunuh dan yang dibunuh kedua-duanya di dalam neraka."*

Manakala tanda besar kiamat yang disebut oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim yang bermaksud:

*"Sesungguhnya kiamat tidak akan berlaku sehingga kamu melihat sepuluh tanda sebelumnya, Asap (ad-Dukhan), Dajjal, Binatang Melata (ad-dabbah), Terbit matahari dari arah Barat, Turunnya Isa bin Maryam, Ya'juj dan Ma'juj, tiga penenggelaman bumi – di Timur, di Barat, di Jazirah Arab; dan api yang keluar dari perut bumi di 'Adn (Yaman) yang mengiringi manusia; ia akan bermalam bersama mereka apabila mereka bermalam, dan berhenti bersama mereka apabila mereka berhenti."*

### **Sidang Jumaat Yang Dimulihkan**

Perbahasan tentang tanda-tanda kiamat ini bukan sekadar untuk pengetahuan, tetapi yang lebih penting ialah dengan memperbanyakkan amal soleh sebagai bekalan selepas kematian. Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi:

الْكَيِّسُ مَنْ دَانَ نَفْسَهُ وَعَمِلَ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْعَاجِزُ مَنْ أَتْبَعَ نَفْسَهُ هَوَاهَا وَتَمَنَّى عَلَى اللَّهِ

**Yang bermaksud:** *"Orang yang cerdik ialah orang yang muhasabah dirinya dan beramal untuk kehidupan setelah mati, dan orang yang lemah ialah orang yang mengikuti hawa nafsunya dan berangan-angan terhadap Allah."*



Janganlah kita mempercayai ramalan-ramalan tarikh kiamat kerana tiada dalil sahih tentang tarikh tersebut. Sebaliknya hanya Allah Taala sahaja yang mengetahuinya. Allah Taala berfirman dalam surah al-A'raf ayat 187:

يَسْأَلُونَكَ عَنِ السَّاعَةِ أَيَّانَ مُرْسَاهَا قُلْ إِنَّمَا عِلْمُهَا عِنْدَ رَبِّي

**Yang bermaksud:** *“Mereka bertanya kepadamu tentang kiamat bilakah terjadinya? Katakanlah: Sesungguhnya pengetahuan tentangnya hanyalah di sisi Tuhanku.”*

Imam Ibn Kathir Rahimahullah dalam tafsirnya menyatakan: *Mengetahui waktu kiamat adalah rahsia Allah, tidak diberikan kepada sesiapa pun walaupun para malaikat dan rasul-Nya.*

### Sidang Jumaat sekalian

Mengakhiri khutbah, marilah kita meyakini dengan sebenar-benarnya akan berlakunya kiamat. Marilah juga kita menanam keimanan yang kukuh serta mengambil pelajaran daripada tanda-tanda akhir zaman sebagaimana yang telah disabdakan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki diri dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala. Renungilah Firman Allah Taala dalam surah Taha ayat 15:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ السَّاعَةَ آتِيَةٌ أَكَادُ أُخْفِيهَا لِتُجْزَىٰ كُلُّ نَفْسٍ بِمَا تَسْعَىٰ



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.